

29 OCT 2002
Pendidikan-Laporan
LAPORAN MENGENAI SEKOLAH AGAMA RAKYAT SIAP

KUALA LUMPUR, 29 Okt (Bernama) -- Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Agama dan Moral telah menyiapkan laporan mengenai penyelewengan cara pengajaran di sekolah-sekolah agama rakyat, kata Ketua Pengarah Pendidikan Datuk Abdul Rafie Mahat.

"Kita (Kementerian) telah menyiapkan laporan itu, bagaimanapun ia tidak boleh didedahkan kepada umum lagi," katanya kepada pemberita ketika diminta mengulas mengenai pemberhentian pemberian bantuan per kapita pada Sekolah Agama Rakyat.

Beliau sebelum itu merasmikan Persidangan Kebangsaan Pendidikan Matematik 2002 anjuran Jabatan Matematik, Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Pendidikan Sultan Idris di Ampang hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno pada Jumaat lepas telah menyatakan bahawa bantuan per kapita kepada Sekolah Agama Rakyat dihentikan setelah mendapati ada di antaranya disalahgunakan untuk tujuan politik.

Menurut Abdul Rafie, laporan dan siasatan yang dijalankan oleh Jabatan Pendidikan Agama dan Moral itu akan dibuat secara berterusan dan tidak terhenti setakat laporan terkini sahaja.

Katanya siasatan yang dilakukan berdasarkan laporan dan maklumat dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan Jabatan Agama Islam Negeri.

Beliau berkata Sekolah Agama Rakyat yang terdapat di negara ini bukan berada dalam kawalan secara langsung oleh Kementerian Pendidikan tetapi sekolah-sekolah itu berdaftar dengan Jabatan Agama Islam Negeri.

Menurut beliau jika sekolah itu turut menjalankan pembelajaran dan pengajaran kurikulum yang sama dengan sekolah-sekolah bantuan penuh kerajaan, sekolah itu perlu mendaftar dengan kementerian sebagai sebuah institusi pendidikan mengikut Akta Pendidikan 1976.

"Kementerian hendak menyeru kepada semua guru supaya memberi fokus kepada bidang tugas utama iaitu mendidik anak-anak tentang perkara yang benar. Kita (Kementerian) tidak mahu anak-anak ini diracuni fikirannya yang boleh menyebabkan mereka mempunyai pandangan yang tidak betul," katanya.

-- BERNAMA
FA ZS NMO